

12 APR 1996

ROMBONGAN M'SIA DI BOSNIA CARI PELUANG PERNIAGAAN

Oleh: E. Sivabalan

SARAJEVO, 12 April (Bernama) -- Satu rombongan perdagangan Malaysia sedang berada di Bosnia-Herzegovina untuk mempromosikan barangan keluaran Malaysia dan mencari peluang-peluang pelaburan baru, termasuk usaha sama.

Rombongan itu, yang diketuai oleh Pesuruhjaya Perdagangan berpangkalan di Belanda Dzulkifli Mahmud tiba di sini Rabu lalu dan akan mengadakan perbincangan dengan peniaga-peniaga tempatan.

"Kami akan mencari peluang untuk membantu di dalam pembinaan semula Bosnia di mana kami akan memastikan para pelabur Malaysia melabur wang mereka di sini melalui pelaburan langsung atau usaha sama," Dzulkifli memberitahu Bernama di sini hari ini.

Dzulkifli, yang juga pegawai Lembaga Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), berkata satu pameran perdagangan untuk menggalakkan keluaran Malaysia akan diadakan di Zagreb selama lima hari mulai 16 April.

"Negara ini menawarkan peluang-peluang yang amat baik daripada segi pelaburan, perdagangan dan pelancongan," katanya sambil menambah bahawa keluaran-keluaran seperti barangan pengguna dan elektrik juga boleh diimport di sini.

Katanya pelabur-pelabur Malaysia patut merebut peluang-peluang di negara Balkan ini sekarang sebelum terlambat kerana terdapat banyak peluang perniagaan di sini terutamanya di dalam industri gas dan minyak.

"Peniaga-peniaga di sini benar-benar merasa rapat dengan kita dan kita harus rebut peluang ini. Kita tidak mahu ketinggalan," tambahnya.

Dzulkifli berkata pelaburan Malaysia di Bosnia kini "amat kecil" dan patut ditingkatkan.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengepalai satu delegasi perniagaan 22 anggota ke Bosnia semasa lawatannya ke sini minggu depan.

Dr Mahathir akan berucap pada satu forum perniagaan yang dianjurkan oleh Dewan Perdagangan Sarajevo pada 19 April.

Dzulkifli juga berkata satu forum perniagaan dipanggil "Berniaga di Bosnia-Herzegovina" akan diadakan di Kuala Lumpur tidak lama lagi.

Forum itu, katanya, bertujuan memberitahu para pelabur Malaysia mengenai potensi-potensi yang boleh diusahakan di Bosnia dan mereka juga akan diberikan maklumat terbaru mengenai kemudahan-kemudahan yang didapati di sini.

Dzulkifli berkata beliau mengadakan perbincangan dengan syarikat minyak di sini bernama Energivest dan mendapati bahawa syarikat itu berminat dalam menubuhkan usaha sama dengan pelabur-pelabur Malaysia.

"Malahan, syarikat-syarikat ini (dikendalikan kerajaan) berminat mempelajari konsep penswastan Malaysia," tambahnya,

Dzulkifli berkata rombongannya akan berada di Bosnia selama sebulan. --

BERNAMA

ES OS SIA